

Yayasan UMP agih lebih RM9 juta bantuan

Sinar Harapan (Sinar Keras) 5/9/2020 (Sabtu)

PEKAN - Yayasan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** mengagihkan lebih RM9 juta sumbangan bagi membantu pelajar dan pelbagai golongan penerima yang memerlukan.

Sehingga kini, seramai 70,464 penerima memperoleh manfaat itu melibatkan pelajar cemerlang UMP, pelajar miskin, asnaf, golongan B40, pelajar antarabangsa dan komuniti setempat.

Pengerusi Yayasan UMP, Datuk Seri Md Sharif Shamsuddin berkata, pihak yayasan

turut memperuntukkan RM2.2 juta untuk sumbangan insentif pelajar baharu bagi pembiayaan kemasukan ke universiti, insentif kecemerlangan dan biasiswa ijazah sarjana serta lain-lain insentif untuk dimanfaatkan bersama komuniti.

“Kami amat menghargai sumbangan daripada badan-badan korporat, zakat dan juga pihak luar selama ini.

“Melalui sumbangan dibekirkan kepada Yayasan UMP, lebih ramai lagi akan menerima manfaat daripada yayasan

ini,” katanya ketika berucap sempena Program UMP Prihatin anjuran Yayasan UMP dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor, di UMP Kampus Pekan di sini.

Hadir sama, Pengerusi UMP, Datuk Seri Ibrahim Ahmad; Naib Canselor UMP, Profesor Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr Yuserrie Zainuddin merangkap Timbalan Pengerusi Yayasan UMP.

Pada majlis itu, seramai 63 anak-anak istimewa sekitar komuniti setempat termasuk anak kakitangan UMP dirai dan dihulurkan bantuan.

Sementara itu kakitangan UMP, Siti Hazwani Shuhaimi, 34, berterima kasih atas keprihatinan universiti membantu anaknya, Nur Wanie Aisyah Rahim, 8, penghidap penyakit hydrocephalus dan dandy walker sejak lahir.

Seorang lagi penerima, Hafizah Mohamad Hamdan, 29, ibu kepada Muhammad Adam Ayrash Abdullah, 10, penghidap cerebral palsy turut menzahirkan perasaan terharu dengan sumbangan diterima.



Dari kanan: Md Sharif, Ibrahim dan Dr Wan Azhar bersama sebahagian anak istimewa yang hadir sempena Program UMP Prihatin di UMP Kampus Pekan, Pekan tiga hari lalu.